

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 11/04/2019
Edisi / Muka Surat : Selatan / 61
Tajuk : Karnival MACCOPS November



[FOTO ADI SAFRI/BH]

Abdul Fattah (tengah) menyampaikan anugerah Laman Angkasa kepada Pengerusi Koperasi MRSM Batu Pahat, Emiruddin Jaafar (kiri) pada Persidangan Tahunan ANGKASA Negeri Johor, semalam.

Karnival MACCOPS November

Batu Pahat: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) akan menganjurkan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) di Pusat Konvensyen Persada Johor pada 28 November hingga 1 Disember ini.

Karnival dianjurkan secara dwi tahunan itu dijangka menarik kira-kira 100,000 pengunjung bagi menyaksikan 200 ruang pameran berkaitan kegiatan perniagaan koperasi.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata program dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) itu dijangka memperkasakan rantaian kerjasama koperasi negara dalam pelbagai sektor eko-

nomi dan perniagaan.

“Johor dipilih sebagai tuan rumah edisi keempat penganjuran MACCOPS selepas ia diperkenalkan pada 2014. Pada program ini, kita juga akan menyediakan konvensyen usahawan, jaringan dagangan dan sesi pepadanan perniagaan.

Fokus transformasi

“MACCOPS 2019 juga akan meneruskan fokus mentransformasikan pembangunan perniagaan gerakan koperasi dan menyediakan lebih banyak peluang sama ada pada peringkat domestik mahu pun global.

“Antara lapan sektor utama diberi tumpuan ialah pemborongan dan peruncitan, komuniti, pelanco-

ngan dan kesihatan; pertanian; perladangan; kewangan; komuniti, hartanah; inovasi dan teknologi,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan ANGKASA Negeri Johor di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerus Besar Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA, Borhan Mat Aris dan Pengerusi ANGKASA Johor, Szali Abd Hamid.

Abdul Fattah berkata, MACCOPS 2019 kali ini juga membabitkan kerjasama antarabangsa bagi memastikan gerakan koperasi di negara ini dapat peluang mengembangkannya perniagaan mereka di pasaran lebih luas.